

Perlantikan Mahathir bukti dunia iktiraf Malaysia perangi dadah – Megat

TELUK INTAN 21 Jun — Perlantikan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Penedar Dadah membuktikan dunia memberi pengiktirafan kepada Kerajaan Malaysia dalam kegiatannya terhadap penagih - penagih dadah di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Haji Megat Junid Megat Ayub berkata, perlantikan itu menunjukkan bahawa pemimpin dunia berharap sangat kepada Datuk Sri Dr. Mahathir membantu negara lain bagi memerangi najis dadah.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan

perjumpaan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pergerakan Wanita UMNO bahagian Pasir Salak di Sekolah Kebangsaan Seri Intan di sini pagi ini, beliau yang juga Pengerusi PEMADAM Pusat merasa bangga kerana inilah pertama kali anak Melayu memegang jawatan penting di peringkat dunia.

Katanya, jawatan yang disandang oleh Datuk Sri Dr. Mahathir itu akan dipegang dalam jangka waktu tertentu, sama juga halnya dengan jawatan Setiausaha Agung Sekretariat Negara-Negara Islam yang pernah dipegang oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Beliau juga berkata dengan adanya Datuk Sri Dr. Mahathir memegang jawatan penting itu akan membolehkan PEMADAM bergerak lebih aktif dan maju ke hadapan selaras dengan kehendak dan saranan yang dihasratkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri.

Di Kuala Lumpur: MCA turut gembira dengan pemilihan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Penedaran Najis Dadah yang kini berlangsung di Vienna, Austria.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai, hari ini berkata pemilihan beliau jelas mencerminkan pengiktirafan negara - negara asing terhadap daya usaha Malaysia membantaras penyalahgunaan dan pendedaran najis dadah.

"MCA sangat gembira dengan pemilihan Perdana Menteri itu," kata Datuk Lee.